



Untuk Terbitan Media
27 Ogos 2024

SIARAN MEDIA

SEMINAR TEKNIKAL ISSA 2024: PEMANGKIN MERAPATKAN JURANG DALAM PASARAN BURUH

KUALA LUMPUR – Dialog bertaraf antarabangsa ini berupaya menjadi pemangkin merentas benua bagi membuka jalan untuk membina dasar komprehensif dan polisi kalis masa hadapan demi kepentingan pekerja gig, kata Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ketika menyampaikan ucapan perasmian sempena Seminar Teknikal Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) 2024, Timbalan Perdana Menteri, menyatakan bahawa visi ini bukan sahaja akan membantu membina ekonomi gig yang lebih adil, saksama, serta mampan tetapi juga merapatkan jurang antara sektor formal dan tidak formal dalam pasaran buruh semasa.

Sebagai langkah signifikan dalam memformalkan ekonomi gig, beliau juga menjelaskan strategi semasa Malaysia turut meliputi kewujudan perlindungan undang-undang dan hak yang jelas untuk pekerja gig melalui pembentukan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM).

"Secara dasarnya, Malaysia kini proaktif ke arah penubuhan Akta Pekerja Gig yang berfokuskan kepada p-hailing dan e-hailing. Akta baharu ini, yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), merupakan langkah perintis sekali gus menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara terawal di dunia memperkenalkan akta yang memberi manfaat tertentu dalam melindungi kepentingan pekerja gig.

"Akta baharu ini dijangka akan dibentangkan kepada kabinet dalam tempoh dua bulan akan datang. Ini membuktikan komitmen Malaysia untuk melindungi hak pekerja gig dengan menekankan definisi pekerja gig, pendapatan, mekanisme aduan dan perlindungan sosial.

"Selain itu, pekerja gig akan diberikan pilihan penjagaan kesihatan dan insurans yang berpatutan melalui skim keselamatan sosial komprehensif yang diuruskan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), yang turut meliputi lanjutan faedah hilang upaya dan pengangguran akibat kehilangan pendapatan.

"Kami juga berhasrat untuk memupuk literasi kewangan, simpanan persaraan, dan menawarkan program pembangunan dan latihan kemahiran berterusan yang menggalakkan pertumbuhan mampan, memastikan kesaksamaan dalam ekonomi gig, dan menyediakan pekerja gig dengan perlindungan asas dan peluang untuk pembangunan peribadi dan profesional," katanya.

Turut hadir ialah Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keong; Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) Dato' Sri Khairul Dzaimee Daud; dan Presiden ISSA, Dato' Sri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Seminar Teknikal ISSA 2024, yang dianjurkan oleh PERKESO telah bermula hari ini di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur, akan berlangsung selama dua hari. Seminar ini menjanjikan perbincangan yang produktif dan wawasan transformatif yang bertujuan menyumbang kepada masa depan yang lebih inklusif dan terjamin untuk semua pekerja dalam ekonomi global yang dinamik ini.

Bertemakan 'Keselamatan Sosial untuk Pekerja Sendiri dan Pekerja Platform', dialog antarabangsa ini bertujuan untuk mencapai beberapa objektif utama, termasuk meningkatkan kesedaran tentang inisiatif yang dijalankan oleh PERKESO dan rakan kongsi keselamatan sosial lain dalam memperluas perlindungan kepada pekerja sendiri; perkongsian maklumat kepada peserta tentang perkembangan terkini dan trend masa depan dalam ekonomi gig; serta mengenal pasti kelompongan dalam perlindungan keselamatan sosial sedia ada sekali gus mencadangkan penyelesaian rentas sektor.

Timbalan Perdana Menteri berkata data sehingga Ogos mendedahkan bahawa 25.1 peratus (3.15 juta daripada 12.56 juta) tenaga kerja Malaysia adalah pekerja sendiri, termasuk kira-kira 1.5 juta pekerja bebas.

"Namun, hanya 21.58 peratus (679,830) individu bekerja sendiri mempunyai perlindungan PERKESO yang aktif, dengan 32.78 peratus (222,876) adalah pekerja gig.

"Angka ini jelas menzahirkan jurang yang ketara dalam perlindungan sosial untuk sebahagian besar tenaga kerja kita yang sentiasa berubah, sekali gus memperlihatkan keperluan mendesak untuk liputan perlindungan yang lebih luas dan penyelesaian disesuaikan untuk ekonomi gig," tambahnya.

Justeru, Ahmad Zahid berkata bahawa usaha pelbagai sudut dari Seminar Teknikal ISSA bukanlah pengakhiran, namun merupakan peristiwa penting dalam keselamatan sosial, berikutan Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah untuk Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) untuk tahun 2025.

"Kami amat berbesar hati untuk terus berkolaborasi bersama ISSA dan mengalu-alukan kehadiran ISSA ke Malaysia pada tahun depan," katanya.

Tamat

###

Mengenai ISSA

Pertubuhan Keselamatan Sosial Atarabangsa (ISSA) diasaskan pada 1927 dibawah naungan Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan hari ini mempunyai lebih 320 ahli institusi dari lebih 160 negara. ISSA ialah organisasi antarabangsa terkemuka di dunia untuk institusi keselamatan sosial, jabatan dan agensi kerajaan. ISSA menggalakkan sistem dan dasar keselamatan sosial yang dinamik di seluruh dunia, menyokong ahlinya dalam reka bentuk dan pelaksanaan penyelesaian keselamatan sosial yang berkesan.

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip *Prihatin* dan *leaves no one behind*. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Korporat PERKESO

27 Ogos 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah

+6019-7107479

fatiyah.redzuan@perkeso.gov.my